



ALLIANCE BANK

Pelan Pembayaran Ansuran (IPP) 0%
Alliance Bank
Malaysia Berhad
Bersama Pine Labs

Terma dan Syarat

DEFINISI

Dalam Terma dan Syarat ini, melainkan dalam konteks yang menetapkan sebaliknya:

“**Bank**” bermaksud Alliance Bank Malaysia Berhad.

“**Kad yang Layak**” bermaksud mana-mana kad kredit yang dikeluarkan oleh Bank dengan nombor BIN kad kredit berikut (6 digit pertama kad kredit Visa dan MasterCard Alliance Bank) seperti yang disenaraikan di bawah:

- 440460
- 440461
- 451421
- 466538
- 528958
- 546595
- 546594

“**Pemegang Kad yang Layak**” bermaksud pemegang kad utama dan tambahan Alliance Bank yang memegang sekurang-kurangnya satu Kad yang Layak yang sah.

“**ABMBPL 0% IPP**” bermaksud Pembayaran Ansuran 0% Alliance Bank Malaysia Berhad yang diberikan kepada Pemegang Kad yang Layak yang membuat pembelian barangan dan/atau perkhidmatan daripada saudagar IPP terpilih yang diluluskan dengan menggunakan Kad yang Layak, yang dipermudah oleh Pine Labs (ditakrifkan di bawah), untuk membuat pembayaran bagi pembelian tersebut, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian melalui ansuran tersebut.

“**Saudagar IPP**” bermaksud saudagar di bawah program rakan saudagar Pine Labs yang menawarkan IPP kepada Pemegang Kad yang Layak melalui terminal titik jualan (“POS”) kad kredit untuk membuat pembelian barangan dan perkhidmatan.

“**Pembelian IPP**” bermaksud pembelian barangan dan/atau perkhidmatan oleh Pemegang Kad yang Layak dengan menggunakan Kad yang Layak di mana-mana terminal kad kredit yang disediakan oleh Saudagar IPP.

“**Tempoh IPP**” bermaksud tempoh pembayaran ansuran bulanan di bawah ABMBPL 0% IPP.

“**Ansuran Bulanan IPP**” bermaksud ansuran bulanan yang perlu dibayar di bawah ABMBPL 0% IPP berdasarkan Tempoh IPP yang dipilih.

“**Pine Labs**” bermaksud Pine Payment Solutions Sdn. Bhd. (Company No. 201601031792 (1202733-A)), penyedia penyelesaian pembayaran terkemuka yang menyediakan pembiayaan dan teknologi transaksi runcit kepada saudagar dan terminal POS kad kredit. Bank telah melibatkan Pine Labs untuk menyediakan ABMBPL 0% IPP kepada Pemegang Kad yang Layak yang membuat pembelian daripada Saudagar IPP. **Untuk mengelakkan keraguan, Pine Labs bukan merupakan subsidiari, anggota gabungan atau syarikat yang berkait dengan Bank.**

“**Hari Perniagaan**” bermaksud hari bank beroperasi di Malaysia tetapi tidak termasuk Sabtu, Ahad dan hari kelepasan am yang diwartakan di Malaysia.

1. **Pelan Pembayaran Ansuran 0% Alliance Bank Malaysia Berhad (“ABMBPL 0% IPP”)** dibuka kepada semua pemegang kad utama dan tambahan Alliance Bank yang memegang sekurang-kurangnya satu kad yang sah (“**Pemegang Kad yang Layak**”). Untuk mengelakkan keraguan, kad Program Rebat Saudagar Alliance Bank tidak layak mendapatkan kemudahan ABMBPL 0% IPP.
2. ABMBPL 0% IPP ditawarkan kepada Pemegang Kad yang Layak yang mempunyai had kredit yang mencukupi untuk pelaksanaan IPP.
3. Pemegang Kad yang Layak yang akaun Kad Kreditnya didapati ingkar atau melanggar Perjanjian Kad ABMB atau yang baki akaun Kad Kreditnya telah melebihi had semasa permohonan dibuat adalah tidak layak memohon ABMBPL 0% IPP.

4. ABMBPL 0% IPP hanya boleh digunakan bagi pembelian yang dibuat oleh Pemegang Kad yang Layak dengan menggunakan Kad Kredit daripada saudagar terpilih yang diluluskan oleh Alliance Bank, yang juga dikenali sebagai Saudagar IPP. Untuk mengelakkan keraguan,
 - a. Setiap Pembelian IPP adalah tertakluk kepada kelulusan Alliance Bank menurut dasar dalamannya; dan
 - b. Saudagar IPP boleh mengenakan terma dan syarat yang mentadbir tawaran yang dibuat oleh Saudagar IPP.
5. Pemegang Kad yang Layak memberi kebenaran dan persetujuan kepada Alliance Bank untuk mendedahkan maklumat yang berkenaan dengan akaun Pemegang Kad yang Layak dengan Alliance Bank kepada Saudagar IPP bagi tujuan melancarkan proses Pembelian IPP.
6. Tertakluk kepada sebarang variasi atau perubahan, Pemegang Kad yang Layak mesti memenuhi amaun minimum bagi Pembelian IPP (mungkin berbeza bagi setiap Saudagar IPP), untuk melayakkan diri bagi ABMBPL 0% IPP. Alliance Bank berhak mengubah atau menukar amaun minimum sebagaimana yang dianggap wajar, dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada pelanggan menurut dasar dalam bank.
7. Pemprosesan sebarang Pembelian ABMBPL 0% IPP oleh Bank akan mengambil masa lebih kurang dua (2) hingga lima (5) Hari Perniagaan dari tarikh pembelian/transaksi, tertakluk kepada sama ada penjelasan transaksi dilaksanakan oleh Saudagar IPP pada hari yang sama transaksi tersebut dibuat. Pemegang Kad yang Layak boleh menyemak status kelulusan IPP dengan mendaftar masuk ke AllianceOnline (boleh diakses di <https://www.allianceonline.com.my/personal/login/login.do>) atau melalui Alliance Online Mobile.
8. Untuk mengelakkan sebarang keraguan,
 - a. Transaksi yang berjaya dibuat oleh Pemegang Kad yang Layak dengan menggunakan Kad yang Layak melalui mana-mana POS Saudagar IPP yang menawarkan ABMBPL 0% IPP tidak bermakna ABMBPL 0% IPP telah diluluskan (sama ada secara bersyarat atau sebaliknya) oleh Bank; dan
 - b. Sekiranya ABMBPL 0% IPP ditolak oleh Bank menurut dasar dalamannya (contohnya, sekiranya akaun Kad Pemegang Kad yang Layak tidak dikendalikan dengan memuaskan), amaun penuh Pembelian ABMBPL 0% IPP akan dicaj kepada Akaun Kad Pemegang Kad yang Layak, di mana Caj Pembiayaan sebagaimana yang ditakrifkan dalam perjanjian Pemegang Kad Alliance Bank (https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Documents/Cards/Personal/Credit-Cards/Alliance_Bank_CC_Cardholder_Agreement.pdf) akan dikenakan terhadap amaun keseluruhan Pembelian ABMBPL 0% IPP tersebut.
9. Pemegang Kad yang Layak perlu mengambil maklum bahawa bagi pembelian barangan atau perkhidmatan, Saudagar IPP boleh mengenakan terma dan syarat tertentu yang mentadbir pembelian tersebut, contohnya terma dan syarat tawaran di kedai, waranti dan dasar pemulangan yang telah ditetapkan oleh saudagar.
10. ABMBPL 0% IPP akan dikira sebagai penggunaan had kredit Pemegang Kad yang Layak di bawah akaun kad pemegang kad tersebut. Had kredit Pemegang Kad yang Layak akan berkurangan mengikut amaun Pembelian ABMBPL 0% IPP dan setiap ansuran yang dibayar oleh Pemegang Kad yang Layak akan meningkatkan kembali had kredit Pemegang Kad yang Layak menurut amaun yang bersamaan dengan ansuran yang dibayar.
11. ABMB berhak menolak pembelian ABMBPL 0% IPP yang tidak memenuhi Terma dan Syarat.
12. ABMBPL 0% IPP tidak disediakan dalam bentuk wang tunai dan tidak boleh digunakan untuk transaksi tunai, pemindahan baki, pendahuluan tunai, transaksi yang boleh ditukar kepada tunai secara langsung seperti pembelian cip perjudian di kasino, pembayaran ansuran di bawah sebarang skim pembayaran dengan Bank atau mana-mana bank lain, pembayaran ansuran di bawah program lain dan penyelesaian sebarang fi tahunan, baki atau caj tertunggak yang dikenakan oleh Bank di bawah dan/atau menurut terma perjanjian Kad.

13. Apabila melaksanakan transaksi di mana-mana Saudagar IPP, Pemegang Kad yang Layak mesti memilih dan memaklumkan Tempoh IPP di bawah ABMBPL 0% IPP kepada Saudagar IPP supaya Saudagar IPP boleh memasukkan Tempoh IPP yang dipilih pada terminal POS kad kredit untuk kelulusan Bank. Sekiranya pembelian IPP diluluskan, amaun pembelian IPP mesti dibayar secara ansuran bulanan. Tempoh IPP mestilah antara tempoh minimum 6 bulan sehingga 24 bulan, atau tempoh lain yang akan dimaklumkan oleh Saudagar IPP (atau Bank) kepada Pemegang Kad yang Layak sebagai pilihan Tempoh IPP yang akan dimasukkan bagi Pembelian IPP, tertakluk kepada kelulusan Bank. Pemegang Kad yang Layak tidak boleh menukar Tempoh IPP atau Ansuran Bulanan IPP selepas urusan Pembelian IPP selesai kecuali sekiranya ditetapkan sebaliknya oleh Bank.
14. Pemegang Kad yang Layak dibenarkan melaksanakan berbilang ABMBPL 0% IPP.
15. Ansuran bulanan ABMBPL 0% IPP dikira berdasarkan formula berikut:

$$\text{Ansuran Bulanan ABMB 0\%} = \text{Amaun Transaksi} / \text{Tempoh ABMBPL 0\% IPP}$$
16. Transaksi yang terbatal dan/atau transaksi yang telah dibalikkan tidak layak bagi ABMBPL 0% IPP.
17. Bank berhak membatalkan salah satu atau lebih transaksi yang dihantar di bawah akaun Kad Kredit Pemegang Kad yang Layak sekiranya:
 - a. Pembayaran bagi Kad Kredit telah tertunggak selama tiga puluh (30) hari atau lebih dan/atau;
 - b. Disyaki terdapat unsur penipuan dalam pengendalian Akaun Kad dan/atau;
 - c. Akaun Kad ditutup atau digantung oleh Bank.
18. Selepas Pembelian IPP oleh Pemegang Kad yang Layak diluluskan oleh ABMB, had kad kredit Pemegang Kad yang Layak akan berkurangan mengikut amaun agregat ansuran bulanan ABMBPL 0% IPP yang masih tertunggak. Dengan setiap Ansuran Bulanan IPP yang dibayar oleh Pemegang Kad yang Layak, amaun yang bersamaan dengan Ansuran Bulanan IPP yang telah dibayar tersebut akan meningkatkan kembali had kredit Pemegang Kad yang Layak secara bulanan.
19. Pemegang Kad yang Layak perlu membayar Ansuran Bulanan IPP melalui akaun Kad Kredit ABMB bagi tujuan pembayaran Ansuran Bulanan IPP mereka.
20. Bil bagi Ansuran Bulanan IPP akan dikemukakan kepada Pemegang Kad yang Layak dalam penyata bagi bulan yang berikutnya setelah permohonan IPP tersebut mendapat kelulusan daripada ABMB dan bagi setiap bulan seterusnya sehingga semua Ansuran Bulanan IPP diselesaikan sepenuhnya.
21. Sekiranya Ansuran Bulanan IPP tidak dibayar sepenuhnya selepas tarikh pembayaran yang telah ditetapkan, baki ansuran bulanan yang tertunggak akan dikenakan caj pembiayaan sebanyak 18% setahun menurut Terma dan Syarat Perjanjian Kad.
22. Terma dan Syarat ABMBPL 0% IPP ini merupakan tambahan dan tidak menjejaskan mana-mana satu atau lebih terma dan syarat sedia ada ("Terma Sedia Ada") yang mentadbir Akaun Pemegang Kad yang Layak dan akaun perbankan lain dengan ABMB. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, perkara yang tidak konsisten atau perbezaan antara Terma dan Syarat dan Terma Sedia Ada, maka Terma dan Syarat ABMBPL 0% IPP akan diterima pakai tetapi hanya setakat perkara yang bercanggah, tidak konsisten atau berbeza sahaja.
23. Pemegang Kad yang Layak, menerusi penyertaannya dalam ABMBPL 0% IPP, mesti bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ABMBPL 0% IPP dan menerimanya dengan menyeluruh.
24. ABMB berhak pada bila-bila masa untuk meminda, menamatkan, mengeluarkan dan/atau menambah Terma dan Syarat, secara keseluruhan atau sebahagiannya, menurut dasar dalam bank dengan memberikan notis terlebih dahulu. Untuk mendapatkan Terma dan Syarat yang telah dikemas kini, sila layari laman web ABMB di www.alliancebank.com.my dari semasa ke semasa.

25. ABMB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi oleh Visa International Incorporated, MasterCard Incorporated atau mana-mana syarikat saudagar, pihak pos atau telekomunikasi atau mana-mana pihak yang boleh menyebabkan Pemegang Kad yang Layak tersingkir daripada menukar transaksi tersebut dalam Tempoh Kempen.
26. Sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Terma dan Syarat tidak akan memberikan hak kepada Pemegang Kad yang Layak untuk membuat tuntutan, permintaan atau mendapatkan pampasan daripada ABMB bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad yang Layak dan sama ada ia diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan tersebut.
27. ABMB tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti yang timbul atau dialami oleh Pemegang Kad yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Terma dan Syarat ini yang tidak disebabkan oleh ABMB.
28. Pemegang Kad yang Layak harus bertanggungjawab atas sebarang caj yang mungkin dikenakan kepada mereka menurut undang-undang yang berkenaan, sekiranya ada, berhubung dengan Terma dan Syarat ini.
29. Segala Terma dan Syarat termasuklah penambahan, pemotongan, variasi dan/atau pindaan yang dibuat berkenaan dengannya dari semasa ke semasa adalah ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan melainkan dipersetujui sebaliknya oleh ABMB, Pemegang Kad yang Layak dengan ini bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa eksklusif mahkamah kompeten di Malaysia.
30. Pemegang Kad yang Layak dengan ini memahami dan memberi kebenaran bagi pengumpulan data peribadi, pemrosesan, penyimpanan, penggunaan dan pendedahan data peribadi Pemegang Kad yang Layak (termasuklah tetapi tidak terhad kepada maklumat perhubungan), oleh ABMB. Untuk mengelakkan keraguan, Data Peribadi merangkumi semua data yang ditakrifkan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 termasuklah semua data yang telah didedahkan oleh Pemegang Kad yang Layak.
31. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Pernyataan Prinsip Notis dan Pilihan yang terdapat di laman web Bank (<https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Personal%20Data%20Protection%20Act%202010/NCP-for-website-BM.pdf>) dan dengan ini memberi persetujuan dan kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan maklumat mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Bank bagi tujuan Kempen ini.
32. Bank telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang dirangka untuk mencegah rasuah dan penyelewengan oleh Bank dan pengarah, pegawai, atau kakitangannya; dan setakat pengetahuan Bank, Bank atau mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan antipenyelewengan yang perlu dipatuhi oleh Bank. Bank tidak pernah, dan berjanji tidak akan, merujuk kepada pengendalian kegiatan perniagaan, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk melaksanakan, atau membuat sebarang tindakan untuk memberikan sebarang bayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau lain-lain pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang pengumpanan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu oleh Bank bagi tujuan Kempen ini.
33. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan mengenai ringkasan dasar antirasuah dan antipenyelewengan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> dan selanjutnya berjanji/mengaku janji bahawa mereka tidak akan terlibat dengan amalan penyelewengan dalam apa cara sekalipun, sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.

